

*Tarikh Dibaca: 22 DIS 2017M / 03 RABIULAKHIR 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“BERKONGSI REZEKI”***

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
  
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Timbalan Pengarah (Operasi), Jabatan Agama Islam Selangor**
  
- 3. Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor**
  
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
  
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
  
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
  
- 7. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
  
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
  
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Pesara Kerajaan**
  
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
  
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**



# **“BERKONGSI REZEKI”**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلصَّابِلِ وَالْمَحْرُومِ

1

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ  
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ  
وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Khatib ingin berpesan kepada kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat menghayati khutbah yang bertajuk "**BERKONGSI REZEKI**".

<sup>1</sup> Al-Zaariyat : 19



## Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Lumrah dalam kehidupan manusia berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran yang perlu kita tempuh dengan sabar dan bersungguh-sungguh.

Setiap orang menghadapi cabaran hidup yang berbeza-beza antara satu sama lain. Sebab itu kita hendaklah saling bantu-membantu, tolong-menolong dan memberi dorongan motivasi dan semangat apabila melihat sahabat kita ditimpa musibah ataupun kesusahan.

Ibadah zakat merupakan penyelesaian yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada kita bertujuan supaya nikmat dan rezeki dapat dikongsikan secara bersama dengan insan-insan yang diuji dengan musibah dan kesusahan.

Melalui ibadah zakat ini ia membuktikan bahawa Islam amat menekankan sifat prihatin dan kasih sayang sesama manusia dan menolak sikap sompong dan mementingkan diri sendiri. Penetapan hukum wajib kepada umat Islam jelas menzahirkan Islam adalah agama yang menyuruh kita bersifat mahabbah dan kasih sayang.

Berzakat adalah panduan yang diberikan oleh Allah untuk menyelesaikan isu kemiskinan. Perlu kita fahami bahawa dalam harta yang kita miliki ada hak orang lain yang wajib kita asingkan dengan menuaikan zakat. Sekiranya setiap individu muslim memahami dan menghayati perkara ini, maka golongan fakir dan miskin akan mendapat pembelaan bahkan pemilikan harta tidak berlegar dalam kalangan orang kaya sahaja. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 7 :



مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَىٰ فَلِلَّهِ وَلِرَسُولِ  
وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا  
يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا أَتَنَّكُمُ الرَّسُولُ  
فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَإِنَّهُ أَنَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

## الْعِقَابِ

"Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).

### Hadirin yang berbahagia,

Jika diperhalusi lagi jumlah yang Allah perintahkan kepada kita untuk berzakat adalah sedikit sahaja. Hanya 2.5% sahaja zakat yang wajib dikeluarkan dari harta pendapatan, emas, perak, simpanan dan perniagaan yang cukup nisab dan haul. Maka orang yang mendakwa bahawa zakat ini menyusahkan dan membebankan sebenarnya mereka terpedaya dengan hasutan hawa nafsu dan syaitan semata-mata.



Sekiranya kita berzakat dengan ikhlas semata-mata mengharapkan keredhaan Allah SWT, yakinlah Allah SWT akan mengurniakan kebahagiaan, kejayaan dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Sebaliknya sekiranya zakat tidak dikeluarkan, ingatlah akan azab Allah SWT yang menanti di akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 34-35:

...وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ تُحْمَى عَلَيْهَا  
فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكَوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ  
هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لَا نُفِسِّكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ

“...dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Lembaga Zakat Selangor LZS merupakan organisasi yang dilantik oleh DYMM Sultan Selangor untuk menguruskan hal ehwal zakat di negeri ini. LZS juga diaudit secara teliti oleh lima pihak audit bebas dari pelbagai agensi termasuk pihak audit Negara untuk memastikan kutipan dan agihan zakat dilaksanakan dengan telus. Bahkan laporan audit ini didedahkan



kepada umum dalam Laporan Tahunan sepetimana laporan Audit Negara.

Berdasarkan laporan agihan zakat di Negeri Selangor pada tahun 2016, sebanyak **RM697.5 juta** telah diagihkan kepada **8** asnaf di Negeri Selangor ini. Jumlah agihan ini meningkat berikutan LZS meningkatkan mutu perkhidmatan dengan melaksanakan gerak kerja agihan zakat mengikut keutamaan dan keperluan berdasarkan Maqasid Syariah.

Oleh itu, bersempena dengan penutupan tirai Tahun 2017 yang akan tiba tidak lama lagi, khatib ingin menegaskan kepada sidang Jumaat sekelian, agar lunaskanlah kewajipan zakat anda di Lembaga Zakat Selangor untuk memastikan nikmat rezeki yang Allah SWT anugerahkan kepada kita dapat dikongsi bersama dengan insan yang susah dan memerlukan.

Pastikan harta gabungan yang bersandarkan nisab emas seperti wang simpanan, pelaburan dan emas termasuklah juga hasil pendapatan, perniagaan, perusahaan, pengeluaran wang dari simpanan KWSP dan lain-lain juga telah dibersihkan dengan berzakat.

Justeru, pihak Lembaga Zakat Selangor menyediakan pelbagai kemudahan untuk umat Islam dapat menuaikan kewajipan zakat melalui 28 buah kaunter zakat yang disediakan disamping perbankan internet, dan lain-lain.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari yang penuh barakah ini, marilah kita mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa menuaikan zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan. Keengganan



mengeluarkannya boleh mendapat kemurkaan Allah pada hari akhirat nanti.

2. Umat Islam hendaklah berkongsi rezeki dengan melaksanakan zakat yang boleh membawa rahmat Ilahi dan sebagai pengukuh silaturrahim sesama manusia.

3. Bersegeralah menunaikan zakat demi memberi kegembiraan kepada golongan asnaf khasnya fakir dan miskin dalam menghadapi kehidupan mereka yang semakin mencabar.

4. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor demi memastikan pengagihannya dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan asnaf yang layak menerimanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تَجَرَّةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ  
وَإِيتَاءِ الزَّكُوَةِ تَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ



*"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan".*

(al-Nur : 37).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Faryzan/Nurul

28.11.2017



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا  
صَلُوْأْ عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ  
بِمَنِّكَ وَكَرْمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menuaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا<sup>١</sup>  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ<sup>٢</sup> يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ<sup>٣</sup>

٩٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاשْكُرُوهُ<sup>٤</sup> عَلَىٰ  
نِعْمَتِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*